

Ketua penuh disiplin, gigih dan jujur

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



■ Tun Hussein dan Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman ditandu oleh Pemuda-pemuda PBB Sarawak di Konvensyen PBB tahun 1978.

Untuk menjadi pemimpin bukan mudah. Kita hanya dapat menikmati khidmatnya saja, tetapi tugasnya yang berat tidak siapa yang tahu. Terjeasanya kesihatan Tun Hussein kerana terlampau mementingkan kerja untuk rakyat.

Nelayan dari Kedah, Encik Abdul Aziz Bakar berkata, Tun Hussein tidak gila pangkat dan harta. Kalau dia gilang pangkat, tentu dia tidak letakkan jawatan. Tetapi kita mesti sedar, kesihatannya juga harus dijaga.



■ Tun Hussein dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang oleh Canselor Universiti Kebangsaan, Tuanku Jaafar dalam tahun 1976.



■ Tun Hussein diberi penghormatan menguji seni mempertahankan diri Nasrul Haq di Rumah Nasrul Haq di Kuala Lumpur dalam tahun 1978.

MEMANDANGKAN rakaman foto sejak akhir-akhir ini, nampaknya Tun Hussein Onn begitu berat meninggalkan kabinet yang dipimpinya sejak beberapa tahun lalu. Mungkin, sebagai tokoh berjiwa rakyat, baktinya terhadap bangsa dan negara belum ditunaikan sepenuhnya. Tapi, takdir telah menentukan, kesihatan memaksanya menarik diri dari jawatan terpenting di negara.

Peniaga dari Jalan Bangsar, Encik Yusof Manaf berpendapat, Tun Hussein adalah tokoh yang berdisiplin, tegas dan jujur ketika beliau menjalankan tugas. Menurutny, walaupun ada di antara tugasnya sekadar menyambung projek atau dasar yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Razak dulu, tetapi tauya kebijaksanaan beliau, mungkin dasar tersebut tidak dapat sempurna dijalankan.

"Memang banyak bakti yang telah dicurahkan kepada rakyat, terutama orang Melayu. Ini terbukti menerusi berbagai langkah, seperti memberi subsidi kepada nelayan dan pesawah. Nelayan dari Kedah, Encik Abdul Aziz Bakar pula berkata, bakti Tun Hussein masih diperlukan. Tapi kita harus sedar, kesihatannya juga harus dijaga.

"Saya berpendapat, Tun Hussein Onn tidak gila pangkat dan harta. Kalau dia gilang pangkat tentu tidak desakan dari orang-orang tertentu. Tun Hussein tentu telah berfikir panjang sebelum mengumumkan perletakan jawatannya itu, kerana untuk menjadi Perdana Menteri kembali tentu susah," katanya lagi.

Pekerja kilang dari Petaling Jaya

juga bersetuju dengan pendapat Encik Yusof dan Encik Abdul Aziz tadi. "Memang susah untuk mendapat Perdana Menteri seperti Tun Hussein. Bagaimana pun, kita tidak menafikan penggantinya nanti Datuk Seri Dr. Mahathir juga tokoh yang ageman. Untuk menjadi pemimpin bukan mudah. Kita hanya dapat menikmati saja khidmatnya, tetapi tugas-tugasnya yang berat tidak siapa yang tahu. "Saya rasa terjeasanya kesihatan Tun Hussein adalah kerana terlampau mementingkan kerja-kerja untuk rakyat.

"Saya yakin ramai yang menyedari hal ini," jelasnya. Seorang peniaga buah-buahan di pasar malam Jalan Kelang, Encik Yatim Ahmad pula merasakan anak kehilangan ayah. "Saya rasa sedih. Banyak bakti yang telah diberikan kepada negara. Sebagai seorang manusia, kita harus sedar bahawa kita tidak lepas dari dengan Tun Hussein. "Jasanya harus dikenang," katanya bersemangat.

Seorang attenden letak kereta berkata, negara kehilangan seorang tokoh yang berkualiti. Beliau bangga kerana negara menanganinya dengan memberi gelaran "Tun" kepadanya. "Gelaran itu memang tepat dan kena pada orangnya. "Saya yakin dengan gelaran bakti kepada negara, walaupun dia kini menjadi rakyat biasa."